



PELABUHAN KUANTAN
MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG **LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia sahaja yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :

1. **JAWATAN** : PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19
2. **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN
3. **JADUAL GAJI** :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00

(Penetapan gaji permulaan akan ditentukan oleh jawatankuasa berdasarkan pengalaman)

4. **IMBUHAN TETAP** : Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan - RM300.00
5. **BANTUAN SARA HIDUP** : RM250.00

6. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 RM1,352.00); atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

7. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

8. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 6 (c); atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

PERATURAN MEMOHON :

- a) Borang permohonan jawatan boleh didapati di Pejabat Lembaga Pelabuhan Kuantan pada waktu pejabat atau melalui laman web : <http://www.lpktn.gov.my> Permohonan melalui pos hendaklah menyertakan sampul surat berukuran 23cm x 10cm beralamat sendiri dengan bersetem 60 sen.
- b) Borang permohonan yang telah siap diisi bolehlah dihantar kepada :

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN
TANJUNG GELANG
PETI SURAT 161
25720 KUANTAN (Permohonan jawatan)**

9. TARIKH TUTUP IKLAN : 9 APRIL 2019

10. PERATURAN – PERATURAN LAIN :

- a) Permohonan dianggap tidak berjaya jika tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan
- b) Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan akan ditolak